

28/07/1997

Canberra tiada masalah dengan KL

KUALA LUMPUR, Ahad - Australia menegaskan ia tidak mempunyai sebarang masalah dengan Malaysia dan hubungan antara kedua-dua negara akan terus kukuh, kata Menteri Luarnya, Alexander Downer.

Menurutnya, beberapa inisiatif akan diambil bagi mengukuhkan hubungan kedua-dua negara yang agak tegang berikutan beberapa isu sensitif dan yang terakhir ialah mengenai kebocoran dokumen membabitkan negara Pasifik Selatan yang mendakwa Malaysia mempengaruhi negara berkenaan.

Dokumen sulit itu dikatakan hanya untuk tatapan menteri kewangan negara itu.

Downer berkata, usaha memulihkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara ditekankan dalam pertemuan beliau dengan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Hubungan Australia-Malaysia mula tergugat apabila bekas Perdana Menteri, Paul Keating menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai seorang yang `keras kepala`.

(END)